

11 JUL 1999

Ling-Pemilihan

TENG TIDAK BERTANDING SEMULA BAGI KETUA WANITA MCA

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Pengerusi sayap wanita MCA Datuk Teng Gaik Kwan tidak akan mengekalkan jawatannya dalam pemilihan parti kali ini, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Dr Ling berkata, Teng telah mengumumkan yang beliau tidak akan bertanding bagi jawatan tertinggi sayap wanita itu untuk memberi laluan kepada generasi muda.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada Datuk Teng kerana kepimpinannya selama ini, kerjasama dan perkhidmatan beliau kepada parti," kata beliau dalam persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat parti, di Wisma MCA di sini.

Beliau berkata, Wanita MCA bertambah teguh sejak Teng menerajuiinya.

"Datuk Teng merupakan teladan baik. Beliau sanggup dan gembira untuk meninggalkan jawatan dan ini budaya baru dalam parti. Bukan seperti beberapa pemimpin dahulu yang apabila tiba masa untuk melepaskan jawatan, mereka enggan berbuat demikian dan sebaliknya mencetuskan masalah bagi parti," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan jawatan Teng sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan Keseniaan dan Pelancongan ekoran keputusannya untuk tidak mempertahankan jawatannya itu, Dr Ling berkata, jawatan parti bebeza daripada jawatan kerajaan dan Teng akan meneruskan jawatan kerajaannya.

Selasa lepas, Setiausaha Agung Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen dan anggota Parlimen Klang Dr Tan Yee Kew telah mengumumkan akan bertanding bagi jawatan tertinggi itu menggunakan formula pemenang akan menjadi pengerusi dan yang tewas naib pengerusi.

Dr Ling berkata, formula itu baik bagi mengelakkan perpecahan kerana dua calon bertanding akan mendapat jawatan tertinggi sama ada mereka menang atau kalah.

Sejumlah 2,411 perwakilan akan menghadiri perhimpunan agung parti 16-18 Julai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan perhimpunan agung MCA pada pukul 9 pagi Sabtu ini (17 Julai).

-- BERNAMA

APG PR